



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 8 DISEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,750 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah **64,056 kes** (85.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 8 Disember 2020, negara telah merekodkan kes harian baharu sebanyak **1,012 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **75,306 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan**

COVID-19 pula adalah 10,862 kes. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat tujuh (7) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah 1,005 kes.

Negeri Selangor melaporkan jumlah kes harian tertinggi pada hari ini iaitu sebanyak **417 kes (41.2 peratus)**, diikuti oleh negeri Sabah **271 kes (26.8 peratus)** dan negeri Johor sebanyak **108 kes (10.7 peratus)**.

Sebanyak **44 kes (4.3 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Tembok (24 kes), Kluster Bakti (18 kes) dan Kluster Penjara Seberang Perai (2 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **126 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **62 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **empat (4) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **388 kes (0.52 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).**

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
385	25285	Sabah	Perempuan (WN)	64	Hospital Tawau	Penyakit darah tinggi
386	69413	Sabah	Perempuan (WN)	92	Jenazah dibawa ke Hospital Lahad Datu	Penyakit hernia, anemia, dan osteoarthritis
387	70589	Sabah	Perempuan (WN)	33	Hospital Tawau	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan buah pinggang kronik
388	68327	Sabah	Perempuan (BWN)	90	Jenazah dibawa ke Hospital Tuaran	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 8 Disember 2020, terdapat sebanyak **392 kluster** telah dilaporkan termasuk **dua (2) kluster** baharu yang dilaporkan pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **207 kluster** termasuk **empat (4) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Melati, Kluster Kempas, Kluster Titir dan Kluster Tempayan. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **185 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **41 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Teratai (78 kes), Kluster Batu Tujuh (52 kes) dan Kluster Ria-30 (33 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **dua (2) kluster** baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER SERULING

Kluster ini melibatkan daerah Klang, Hulu Selangor dan Petaling di negeri Selangor. Kes-kes dalam kluster ini telah

dilaporkan positif COVID-19 bermula 4 Disember 2020 hasil saringan di tempat kerja. Sehingga 8 Disember 2020, sejumlah 2,267 individu telah disaring, di mana **109 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER TAPAK BINA DARUL

Kluster ini melibatkan daerah Titiwangsa, Cheras dan Lembah Pantai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; daerah Petaling, Sepang, Kuala Langat dan Klang di negeri Selangor; serta daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes-kes dalam kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 6 Disember 2020 hasil saringan bersasar di tempat kerja yang melibatkan sebuah tapak pembinaan. Sehingga 8 Disember 2020, sejumlah 240 individu telah disaring, di mana **14 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

8 Disember 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 8 DISEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	271	31,057
SELANGOR	417 (1)	17,255
W.P. KUALA LUMPUR	98 (5)	7,311
NEGERI SEMBILAN	23	6,022
KEDAH	10	2,741
PULAU PINANG	18	2,416
PERAK	29	2,135
JOHOR	108	2,093
W.P. LABUAN	0	1,404
SARAWAK	2 (1)	1,072
PAHANG	33	463
KELANTAN	2	443
MELAKA	0	399
TERENGGANU	0	239
W.P. PUTRAJAYA	1	212
PERLIS	0	44
JUMLAH KESELURUHAN	1,012 (7)	75,306

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 1,012 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 8 Disember 2020 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 417 kes**

- 115 kes daripada kluster-kluster, termasuk 17 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Seruling**;
- 116 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 185 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 271 kes**

- 70 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 121 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 80 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 108 kes**

- 63 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 22 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 23 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 98 kes**
 - 48 kes daripada kluster-kluster, termasuk tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Darul**;
 - 12 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Lima (5) kes import dari luar negara; dan
 - 33 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 33 kes**
 - 31 kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 29 kes**
 - 28 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 23 kes**
 - 20 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 18 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 10 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19; dan
 - Satu (1) kes import dari luar negara.

- **Kelantan: Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.